

# KUMPULAN CERITA RAKYAT SARAWAK

## LIPAN BARA DI BUKIT JEPAK

Rafaie Ismail

Pada suatu ketika dahulu Kampung Jepak di Bintulu merupakan sebuah penempatan masyarakat Melanau yang agak terpencil dan ketinggalan dari segi pembangunan. Kebanyakan penduduknya bekerja sebagai petani dan nelayan. Sebahagian pula memungut hasil hutan. Kampung Jepak pada ketika itu sarat dengan pokok kelapa dan pokok nibung. Namun di sebalik kewujudan kampung ini terdapat satu kisah misteri yang berkaitan dengan lipan bara. Kisah ini sering diperkatakan oleh generasi awal yang menetap di sini.

Kebanyakan penduduk Kampung Jepak sekarang berasal dari Kampung Kuala Segan di Hulu Sungai Kemena. Pada peringkat awal dahulu, ramai tidak berani menetap di Kampung Jepak kerana gangguan daripada lipan bara yang tinggal di atas bukit yang berdekatan. Kalau seseorang mudik ke hulu Sungai Kemena dia akan menemui beberapa buah sungai kecil seperti Sungai Nyigu, Sungai Kakab, Sungai Sepait, Sungai Ramulah dan Sungai Binai.

Kawasan antara muara Sungai Sepait dan muara Kuala Segan menjadi penempatan awal penduduk Melanau yang menjalankan kegiatan bercucuk tanam, mengambil mulong, memproses sagu rumbia dan menangkap ikan. Kuala Sungai Segan pula dilitupi pokok-pokok nipah dan, kalau kita menyusuri ke dalam, kita akan menemui batang-batang nibung yang banyak durinya. Kawasan sungai ini sarat dengan udang galah dan ikan baung.

Bagaimanapun satu musibah telah berlaku apabila beberapa orang nelayan menjadi mangsa seekor lipan bara yang sangat ganas. Berita tentang kisah ngeri itu merebak dengan cepat dalam kalangan penghuni Kampung Kuala Segan. Mereka kemudian berpakat mencari jalan bagaimana untuk membunuh lipan tersebut. Pelbagai ikhtiar telah diambil.

Lama-kelamaan berita tentang keganasan lipan bara tersebut telah sampai ke pengetahuan seorang pemuda bernama Sulung. Sulung merupakan anak tunggal kepada sepasang suami isteri yang berkebun di Sungai Sepait. Sungai tersebut bertentangan dengan Sungai Ramulah. Sulung bukan sahaja bekerja sebagai nelayan malah dia juga pembuat perahu. Sulung bersemangat tinggi serta berani. Badannya tinggi dan sedikit agam.

Orang ramai sudah mula takut untuk ke laut kerana mereka terpaksa melalui Sungai Kemena. Lipan bara dari Bukit Jepak yang berdekatan sentiasa sahaja mencari peluang untuk menyerang sesiapa yang lalu di situ. Lipan itu agak besar dan matanya merah menyala-nyala. Apabila terhidu sahaja bau bakal mangsanya, ia akan dengan pantas menuruni bukit untuk menyerang. Bunyinya bagai gulungan gelombang yang besar. Ada juga orang yang percaya bahawa lipan itu merupakan penunggu Bukit Jepak.

Lipan raksasa tersebut bukan sahaja menyerang manusia tetapi turut menjadikan Sungai Kemena tempat mencari rezeki! Malah, pada peringkat awal Kampung Jepak dihuni oleh manusia, mereka menemui banyak lipan sebesar tali pinggang dan sangat berbisa. Ramai orang yang mati apabila terkena sengatan lipan tersebut.

Sewaktu mereka mula-mula meneroka tanah di situ dahulu, mereka pernah terjumpa sebatang pokok yang dahannya bercabang dua seperti kepala dua ekor lipan yang dicantumkan. Oleh sebab itu, mereka memanggilnya dengan nama Kampung Ipak. Perkataan "ipak" bermaksud "dahan yang bercabang dua". Lama-kelamaan nama Kampung Ipak berubah menjadi Kampung Jepak.

Kisah keganasan lipan bara semakin hari semakin menjadi buah mulut orang ramai. Penghulu Kampung Kuala Segan dan penghulu beberapa buah penempatan di sekitarnya pun mencari kata sepakat untuk membunuh haiwan raksasa yang dianggap berpuaka itu. Mereka juga mendapatkan khidmat beberapa orang dukun, pawang dan tok bomoh serta beberapa orang Tuai Rumah yang berhampiran. Bagaimanapun semua usaha tersebut tidak mendatangkan hasil. Jalan penyelesaian semakin buntu. Mulai saat itu, penduduk di situ mula berpindah

secara beransur-ansur ke hulu Sungai Kemena dan menetap di Kuala Segan, Sungai Sepait, Sungai Kakab, Sungai Ramulah dan lain-lain.

Sementara itu, Sulung secara diam-diam telah berazam untuk menghapuskan lipan yang amat berbahaya itu dengan caranya tersendiri. Dia tidak mahu melihat orang ramai kebuluran dan hidup dalam ketakutan. Tambahan pula, mereka perlu juga sesekali turun ke laut untuk mencari ikan bagi mengubah selera. Pada suatu hari, Sulung tiba-tiba didatangi ilham bagaimana untuk menewaskan lipan bara yang dikatakan berpuaka dan seperti seekor raksasa itu.

Sulung memaklumkan rancangannya itu kepada kedua-dua orang tuanya. Ibunya membantah kerana takut sesuatu yang tidak diingini menimpa Sulung. Ayahnya pula berpendapat sebaliknya. Dia gembira kalau anaknya dapat menabur bakti ada masyarakat.

"Kita hidup perlu berbudi. Musuh jangan dicari. Kalau kita mati sewaktu berbakti kita dikenang sepanjang hayat. Harimau mati meninggalkan belang. Manusia mati meninggalkan nama," katanya.

Hari berikutnya, Sulung sudah awal-awal pagi lagi pergi mencari sepohon kayu sebesar pemeluk untuk dibuat perahu. Reka bentuk perahu Sulung agak unik. Bahagian bawah perahu ditebuk lubang dan disumbat dengan kayu penyumbat yang direka khas. Perahu tersebut agak ringan dan mudah terapung. Ketika Sulung memulakan kerja membuat perahu itu hari hujan panas. Dalam masa beberapa hari sahaja perahu Sulung sudah siap.

Sulung mula berlatih, mencari jalan terbaik untuk menewaskan lipan bara tadi. Dia perlu mendapatkan gambaran sebenar bagaimana lipan bara itu menyerang mangsanya. Timbullah hajat di hatinya untuk bertemu dengan Penghulu Kuala Segan.

Penghulu Kuala Segan yang baik hati itu sangat menghargai dan menghormati hasrat dan rancangan Sulung. Sebelum itu dia sudah pernah meminta anak buahnya yang berbadan sasa membantu memusnahkan lipan bara berpuaka. Bagaimanapun anak buahnya mati juga akhirnya!

Sulung hampir-hampir membatalkan rancangannya setelah mendengar cerita Penghulu Kuala Segan tadi. Bagaimanapun, apabila memikirkan nasib anak bangsanya, Sulung memperkuat tekad untuk meneruskan rancangan membunuh lipan yang ganas itu. Sulung tidak mahu generasi muda sepertinya terus pupus kalau lipan bara di biar bermaharajalela.

Malam itu Sulung didatangi mimpi aneh. Seorang lelaki datang kepadanya dan meminta Sulung mencari seponon kayu yang sesuai untuk dibuat perahu. Perahu itu hendaklah dapat memuatkan diri Sulung seorang. Sebelum dilabuhkan di permukaan air, perahu tersebut perlu ditabur dengan segenggam beras kunyit, di asap dengan kemenyan dan akhir sekali, seperti perahu yang mula-mula dibuatnya, ditebuk lubang pada bahagian bawah.

"Telungkupkan perahu itu dan sembunyilah di bawahnya. Apabila lipan itu mula merayap-rayap di atas permukaan perahu, kamu pacakkan keluar mata besi tajam dari lubang yang ditebuk pada bahagian bawah perahu tadi. Mata besi itu akan perlahan-lahan merobek isi perut lipan tadi apabila ia merayap dan menjalar di sepanjang belakang perahu!" tambah lelaki yang tidak dikenali itu.

Apabila Sulung terjaga keesokan paginya dia pun mulalah melakukan seperti dalam mimpinya. Dalam beberapa hari sahaja perahunya sudah siap dibuat. Semua syarat dan pantang larang ketika hendak melabuhkan perahu itu ke permukaan sungai dipatuhi sepenuhnya. Sulung menunggu hari yang sesuai untuk memulakan misinya.

Bagi Sulung, kerja itu lebih senang kalau dilakukan pada waktu malam atau remang petang. Dalam keadaan begitu, lipan bara tentu tidak dapat mengenal pasti dengan jelas keadaan orang yang akan diserangnya. Sulung juga mahu melakukannya ketika air mulai surut supaya mudah dia mengalir ke Sungai Kemena. Kebetulan, antara pangkalan tempat lipan bara selalu turun dan permukaan sungai ada olakan dan pusaran air. Ini memudahkan Sulung untuk memerangkap lipan bara itu.

Sulung memohon restu daripada kedua-dua orang tuanya sebelum memulakan misinya. Dia sudah cukup bersedia dari segi fizikal dan mental. Badik pusaka

disisip kemas pada pinggangnya. Mata besi yang runcing dilumuri racun pokok tuba dicampur pelbagai ramuan lain. Mata besi itu akan dipacak keluar menerusi lubang perahunya sebaik sahaja lipan bara merayap dan menjalar di atas belakang perahu. Sulung sudah cukup yakin dan jelas bagaimana untuk bertindak.

Bunyi air surut petang itu agak deras. Sulung masih berada dalam perahu mencari kawasan paling sesuai untuk menelungkupkan perahunya. Perahu itu menghilir dengan derasnya. Tidak jauh dari tempat beberapa orang kampung selalu diserang, Sulung terdengar bunyi sesuatu yang menakutkan datang dari arah seberang. Dia kemudian ternampak deretan benda panjang berapi-api menuruni lurah bukit, merempuh pokok-pokok berhampiran. Bunyinya bagai gelombang gelombang di laut!

Sulung mencari kedudukan yang tepat dan segera memutar perahu lalu menterbalikkannya. Sulung mencari nafas di dalam ruang antara perahu dan permukaan air. Sese kali dia menyelam. Dia segera memacak keluar mata besi tajam lagi beracun itu menerusi lubang pada bawah perahu tadi. Sebarata kemudian Sulung terasa ada benda cecair mengalir dan bau hanyir di mana-mana. Serentak dengan itu air Sungai Kemena perlahan-lahan menjadi keruh dan berbau hanyir.

Sulung cepat-cepat berenang ke tebing lalu berlindung di sebalik pohon pedada yang tumbuh di sepanjang tebing. Bunyi erangan lipan bara menahan sakit bergema memecahkan keheningan senja. Isi perutnya robek dan terburai. Sulung yakin lipan bara itu akan mati tidak lama lagi.

Sulung berlari meredah semak-samun untuk mencari daun-daun kayu yang boleh dilumurkan pada badannya. Dia perlu menghilangkan bau hanyir yang terkena badannya tadi. Suara lipan bara yang mengerang kesakitan masih bergema di mana-mana. Sulung masih perlu mencari di sekitar tebing sungai sebelum ke Sungai Sepait. Dia tahu apa yang perlu dilakukan. Ayah dan ibunya tentu akan meminta bantuan Penghulu Kuala Segan untuk mencarinya.

Sulung bersyukur kerana lipan bara akhirnya terkorban juga di tangannya. Seperti yang dijangka, dua hari berikutnya Sulung diselamatkan oleh penghulu dan orang-orangnya. Sulung disambut seperti seorang wira oleh penduduk kampung. Namun bau hanyir sungai Kemena masih boleh dihidu selama beberapa hari setelah lipan bara itu berjaya ditewaskan oleh Sulung.

Selepas peristiwa itu, Penghulu Kuala Segan menjodohkan salah seorang anak perempuannya dengan Sulung dan meminta mereka supaya membuka penempatan baharu di Kampung Jepak. Ramai juga anak buah Penghulu Kampung Kuala Segan yang mengikut jejak Sulung berpindah ke Kampung Jepak.

Mulai saat itu, Kampung Jepak menjadi tumpuan ramai terutama mereka dari Sungai Sepait, Sungai Ramulah, Sungai Kakab dan Kuala Segan sendiri. Sulung kemudian dilantik sebagai ketua. Orang ramai yang mengagumi kehebatan Sulung mula memanggil anak mereka dengan jolokan Sulung jika anak mereka lelaki. Kehidupan penduduk Kampung Jepak semakin rukun dan damai. Mereka juga bebas melakukan apa sahaja pekerjaan untuk mencari nafkah hidup. Tanah di situ juga mulai subur.

Beberapa tahun kemudian Sulung dikurniakan berapa orang anak. Pada suatu malam dia telah bermimpi didatangi lipan bara yang dibunuhnya dahulu. "Anak cucu kamu pantang membunuh apa juga jenis lipan. Jika mereka melanggar pantang ini, mereka akan diserang penyakit aneh yang boleh membawa maut. Kalau mereka berjumpa dengan lipan, sebaik-baiknya dihalaukan sahaja. Jangan sekali-kali dibunuh kerana kamu telah membunuh ibu segala lipan yang ada di muka bumi ini. Bukit Jepak, untuk sementara waktu, akan menjadi sarang anak cucu dan cicit lipan yang ada," kata lipan bara tadi.

Bagaimanapun ada sesetengah anak cucu dan cicit Sulung yang pernah melanggar pantang tersebut dan kerana itu mereka menerima balasan seperti yang diberitahu oleh lipan bara dalam mimpi Sulung.

Kisah misteri tentang lipan bara tersebut masih menghantui sebilangan daripada penduduk di Kampung Jepak untuk beberapa lama. Kalau mereka mendaki Bukit Jepak mereka selalu menemui bekas laluan lipan raksasa itu pada batu-batu yang ada di kawasan tersebut. Beberapa batang nibung yang tajam juga tumbang di

sana-sini seolah-olah berlaku kerja penerokaan. Dari puncak bukit itu jelas kelihatan Sungai Kemena yang luas.

Hingga sekarang masih ada yang percaya kalau lipan dibunuh sembarangan, kaki orang yang membunuhnya akan menjadi besar dan terasa gatal-gatal. Sebilangan penduduk di sini juga masih gemar menamakan anak lelaki mereka dengan nama Sulung atau Sanai.

---

Cerita ini memenangi Hadiah Ketiga  
Peraduan Menulis dan Mengisahkan Cerita Rakyat Sarawak 2006.

